

BAB KETIGA

PENGAJARAN BAHASA ARAB DI SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA PERINGKAT MENENGAH ATAS DI WILAYAH PATTANI : PERMASALAHAN DAN PENYELESAIANNYA.

PENDAHULUAN.

Seperti yang dijelaskan dalam bab sebelum ini, sekolah-sekolah agama yang terdapat pada masa sekarang ialah institusi "Pondok" masa dahulu; Kemudian diubahsuai kepada sistem persekolahan moden mengikut akta Kerajaan tahun 1961, dan sebagai kesinambungan Polisi Pembangunan Pendidikan Kerajaan Thai. Sebagai institusi pendidikan formal, matlamat utama penubuhan sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani adalah sebagai Pusat Pentarbiahan akhlak, moral, peribadi, sikap serta nilai hidup mulia pelajar untuk menjadi insan yang sempurna. Di samping terdapat beberapa mata pelajaran agama, mata pelajaran bahasa Arab juga merupakan salah satu mata pelajaran utama yang diajar di sekolah-sekolah agama berkenaan, dan ia diwajibkan kepada semua pelajar.

Matlamat pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama agak berbeza jika dibandingkan dengan matlamat pengajarannya di pondok. Di pondok, ia ditumpukan kepada aspek-aspek pemahaman dan pembacaan, manakala di sekolah pula ia bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kebolehan serta kemampuan berbahasa Arab, sama ada bagi

tujuan bertutur, membaca, menulis dan memahami aspek-aspek penting berkaitan dengan bidang dan persekitaran ilmu yang dipelajari. Selain itu, ia juga bertujuan agar pelajar-pelajar berkemampuan mentafsirkan sumber-sumber agama dan ilmu-ilmu pengetahuan lain yang tertulis dalam bahasa Arab. Di samping itu, bahasa Arab juga diharapkan dapat menjadi bahasa kedua utama di kalangan masyarakat Islam, dan bahasa asing yang penting bagi beberapa kumpulan masyarakat di negara Thai pada keseluruhannya.

3.1 KURIKULUM ATAU SUKATAN PELAJARAN.

Sebelum tahun 70-an, proses pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani telahpun dilaksanakan agak begitu lama di mana setiap sekolah dengan kurikulum atau sukatan pelajarannya serta tujuan dan matlamatnya. Keadaan tersebut berterusan dan berkekalan sehingga tahun 1961, apabila Persatuan Sekolah-Sekolah Agama Wilayah Pattani ditubuhkan, maka kurikulum bagi beberapa mata pelajaran agama dan bahasa Arab dirancang dengan rapi dan sistematik. Perancangan kurikulum bagi beberapa mata pelajaran agama dan bahasa Arab dilaksanakan dengan sekaligus pada masa itu, berpandukan kepada kurikulum yang terdapat pada sekolah-sekolah menengah di beberapa buah negara Arab seperti Mesir, Arab Saudi dan sebagainya.

Rasinalnya agar sijil-sijil atau "Syahādat al-Thānawīyyat" yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah agama tersebut, diiktiraf oleh beberapa buah Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi di negara Arab. Sekarang terdapat beberapa sekolah agama di Wilayah Pattani di mana sijilnya diiktiraf oleh Universiti-Universiti di Timur Tengah, terutama Universiti al-Azhar, Mesir dan beberapa Universiti di Arab Saudi. Lima buah sekolah agama yang menjadi sasaran bagi kajian ini adalah di antara sekolah-sekolah yang taraf sijilnya diiktiraf. Ini bererti bahawa seseorang pelajar yang berkelulusan peringkat menengah atas dari mana-mana sekolah yang diiktiraf sijilnya, dapat melanjutkan pengajiannya ke peringkat Universiti di negara-negara tersebut. Di sini penulis juga mengutarakan beberapa salinan surat akuan dari pihak Universiti di negara Arab, yang mengiktirafkan taraf sijil bagi dua buah sekolah daripada lima buah sekolah sasaran, sebagai contoh. Dua buah sekolah tersebut ialah; Ma'had Dār al-Ma'ārif, dan Madrasat al-Rahmānīyyat. (Lihat lampiran "C").

Mengenai kurikulum mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani, penulis berpendapat bahawa ia tidak sesuai dan selaras dengan hakikat bahawa, jika kurikulum tersebut dirancang mengikut kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah menengah negara Arab, semata-mata untuk mendapat pengiktirafan daripada

pihak mereka, oleh kerana perbezaan yang amat ketara di antara kedua-dua pihak. Perbezaan yang dimaksudkan penulis ialah dari segi kedudukan bahasa Arab, taraf penggunaan bahasa dan sebagainya.

Suatu perkara yang harus mengambil perhatian tatkala merancang kurikulum mata pelajaran bahasa Arab untuk sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani ialah : Ketidaksamaan dalam berbagai aspek di antara pelajar-pelajar di Wilayah Pattani dengan pelajar-pelajar di negara Arab. Landasan tersebut, dengan secara langsung akan mengakibatkan perbezaan dari segi matlamat pengajaran bahasa Arab, pendekatan serta kaedah-kaedah pengajarannya, buku-buku teks yang digunakan dan seterusnya. (Lihat Arif K. Abu Khudairi, dlm. Majalah Pengajian Arab, Bil.3, Januari 1993:9).

JADUAL NO.3

Kurikulum mata pelajaran bahasa Agama/Arab bagi
Peringkat Menengah Atas (Thanawi), tahun 2523 B.E./1980 M.
Sumber: Jabatan Pendidikan Kawasan Dua.(1982:3).

Mata Pelajaran	Jumlah Pengajiannya/Seminggu					
	Tingkt.1		Tingkt.2		Tingkt.3	
	W.	P.	W.	P.	W.	P.
<u>Bah. Agama.</u>						
1. Al-Quran	4/2	-	4/2	-	3/2	-
2. Al-Hadith	2	2	2	2	2	-
3. Fiqh	2	6	2	8	2	7
4. Falsafah	1	3	-	4	-	5
<u>bah. bahasa.</u>						
5. B. Arab	6	10	4	10	4	10
6. B. Melayu	-	2	-	2	-	2
7. B. Inggeris		2		2	2	2
8. Ilmu Sosial	2	5	2	8	3	8
Jumlah	17/15,13/15		14/12,16/18		14/13,16/17	
	(30)		(30)		(30)	

Tingkt. = Tingkatan.

W. = Mata pelajaran yang diwajibkan.

P. = Mata pelajaran pilihan.

Bah. = bahagian. B. = Bahasa

JADUAL NO.4

Kurikulum mata pelajaran Agama/Arab bagi Peringkat Menengah Atas (Thānawi) yang dibentuk oleh pihak Pentadbir sekolah.

JUMLAH MATA PELAJARAN DAN PENGAJARANNYA DALAM SEMINGGU				
MATA PELAJARAN / PERINGKAT	1	2	3	
<u>Bah. Agama.</u>				
1. Al-Quran	1	1	1	
2. Tafsīr	2	2	2	
3. Usul Tafsīr	1	1	1	
4. Al-Hadīth	3	3	3	
5. Mustalah al-Hadīth	1	1	-	
6. Fiqh	2	2	2	
7. Usul Fiqh	2	2	2	
8. Al-Qawa'id al-Fiqhiyyat	-	1	2	
9. Falsafat al-Islāmiyyat	-	1	1	
10. Tarikh al-Tasyri'	2	2	2	
11. Hikmat al-Tasyri'	1	1	-	
12. Mabādi' Fi al-Fiqh al-Mugarin	-	1	2	
13. Tauhid	2	2	2	
<u>Bah. Bahasa.</u>				
14. Qawa'id al-Lughat al-'Arabiyyat	2	2	2	
15. Adab wa al-Nuṣūṣ	1	1	1	
16. Al-Balāghat	1	1	1	
17. B. Melayu	2	1	1	
18. B. Inggeris	1	1	1	
<u>Bah. Ilmu Sosial.</u>				
19. Sejarah Islam	2	1	1	
20. Kebudayaan Islam	2	2	2	
Jumlah	30	30	30	

Sumber: Kurikulum Ma had al-Tarbiyyat (Bandar) Pattani.

3.2 MASALAH-MASALAH PENGAJARAN BAHASA ARAB DI SEKOLAH- SEKOLAH AGAMA DI WILAYAH PATTANI.

Di Wilayah Pattani, masalah ketidakberkesanan di dalam proses pengajaran bahasa Arab dan kemunduran tahap pencapaian pelajar terhadap bahasa berkenaan, merupakan suatu isu yang lama diperkata dan diperbincangkan oleh beberapa pihak, sama ada dari pihak Pentadbir sekolah, mahupun dari pihak Kementerian Pendidikan sendiri. Pelajar-pelajar sekolah agama bukan sahaja menghadapi kesulitan dalam mempelajari bahasa Arab, bahkan bahasa Thai yang merupakan bahasa Kebangsaan, juga menghadapi nasib yang sama. (Chidchanok Cherngchau, 1988:4). Apabila disebut mengajar bahasa kedua atau bahasa asing, maka harus difahamkan bahawa terdapat lebih daripada satu bahasa yang terlibat, oleh itu kita tidak boleh mengenenipkan hakikat bahawa ada proses atau faktor merumitkan yang sering berlaku dalam usaha mengajar bahasa kedua tersebut. Mengajar bahasa kedua khasnya, bahasa Arab adalah satu perkara yang amat menyukarkan, kerana di samping memerlukan tenaga pengajar yang mahir, ia juga memerlukan bahan-bahan yang sesuai dan kaedah-kaedah yang selaras dengan keadaan sebenar. Kesulitan tersebut memang dirasakan oleh setiap guru yang terlibat dalam perkara ini, lebih-lebih lagi mereka yang bertanggungjawab di dalam pembentukan kurikulum mata pelajaran bahasa Arab. Sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani, khasnya di peringkat Menengah Atas, bukan sahaja

menghadapi kesukaran untuk mendapatkan guru-guru yang berkebolehan, malahan hingga dewasa ini cara atau teknik-teknik pengajaran secara moden belum lagi diperkenalkan dan dipraktikkan secara sistematik, jika adapun, hanya sedikit.

Berdasarkan pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh guru-guru bahasa Arab, sama ada melalui jawapan terhadap soal-selidik yang diedarkan atau temuduga, seterusnya penelitian penulis sendiri tatkala menjalankan kajian, pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani menghadapi berbagai masalah. Dihuraikan di sini beberapa masalah yang difikirkan amat ketara; di antaranya :

3.2.1 KURIKULUM MATA PELAJARAN BAHASA ARAB.

Kurikulum atau sukatan mata pelajaran bahasa Arab yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani dibentuk oleh dua badan yang berasingan seperti mana yang telah dibincangkan sebelum ini, iaitu Lembaga Akademik yang ditubuhkan oleh setiap sekolah, atau Ahli Jawatan Kuasa yang dilantik oleh pihak Jabatan Pendidikan kawasan Dua, Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, kedua-dua kurikulum yang terbentuk itu mungkin tidak sesuai untuk dilaksanakan. Sebab pertama, ia disusun mengikut cara-cara yang terdapat di negara-negara Arab yang dianggap kurang sesuai dengan kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa

kedua atau bahasa asing di negara Thai secara umumnya, dan di Wilayah Pattani khasnya. (Lihat Jadual No.4). Manakala sebab kedua pula, ialah tumpuan yang diberikan terhadap bahasa Arab amatlah sedikit, dan perancangannya ditumpukan kepada mata pelajaran lain. (Lihat Jadual No.3). Mengenai kurikulum yang terdapat pada masa sekarang, 88% (22 orang) daripada guru-guru bahasa Arab menyatakan ia adalah baik dan boleh menjamin keberkesanan di dalam pengajaran bahasa Arab yang sebenar (Jawapan mereka terhadap soalan No.1, bahagian II, Lihat lampiran "B"). Dan hanya 12% (3 orang) sahaja yang menyangkal pendapat mereka. Peraturan ini tidak memperlihatkan bahawa terdapat korelasi di antara kurikulum (di kalangan guru) dan pencapaian pelajar terhadap bahasa Arab. Kononnya jika kurikulum yang dibentuk itu selaras dengan hakikat seperti kedudukan bahasa, matlamat pengajaran dan keadaan pelajar sendiri, maka ia akan menghasilkan natijah yang baik, iaitu tahap pencapaian pelajar terhadap bahasa berkenaan akan meningkat; tetapi keadaan itu tidak membuktikan perkara tersebut. Penulis berpendapat bahawa perancangan kurikulum yang didapati pada masa sekarang telah mengabaikan dua konsep yang terpenting, iaitu :

- (A) Kedudukan bahasa Arab.
- (B) Situasi pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab, serta keadaan pelajar.

Oleh yang demikian, apabila setiap pihak yang terlibat di dalam perkara ini mengiktiraf bahawa kurikulum yang dilaksanakan sekarang boleh dianggap sebagai salah satu daripada punca yang menyebabkan kelemahan dan kemunduran pelajar-pelajar sekolah agama. Untuk mengatasi masalah ini dikemukakan cara-cara penyelesaiannya :

Kurikulum yang lengkap hendaklah diadakan dan penyemakan mengenainya, yang digunakan sekarang perlu dilakukan dari Peringkat Ibtida'i (Rendah), Mutawassit (Menengah Rendah) dan Thanawi (Menengah Atas), supaya proses pengajaran bahasa Arab dapat dijalankan dengan kurikulum yang diselaraskan mengikut matlamat yang telah digariskan pada peringkat masing-masing. Perancang atau pembentuk hendaklah disatukan. Ini bererti bahawa pihak Pentadbir dan Jabatan Pendidikan hendaklah bekerjasama bagi membentuk sebuah kurikulum yang dapat digunakan oleh semua sekolah agama di Wilaya Pattani; bukanlah dibentuk oleh setiap sekolah. Proses penyemakan kurikulum lama hendaklah dilaksanakan oleh pakar-pakar dalam bidang pengajaran bahasa, khasnya pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Matlamat pengajarannya hendaklah dicatatkan dengan jelas dan pada setiap bahagian diberi penjelasan yang terperinci . Sementara itu, sebuah buku panduan pengajaran yang lengkap serta mengandungi intisari-intisari penting yang hendak disampaikan kepada pelajar haruslah diadakan.

Selain itu, ia seharusnya tidak berpandukan sepenuhnya sukatan pelajaran yang terdapat di negara-negara Arab, semata-mata untuk diiktiraf oleh Kerajaan atau Universiti-Universiti di negara mereka, kerana ini menjadi satu kebanggaan kepadanya tanpa mengambil berat sama ada pelajar-pelajar benar-benar berkebolehan atau di sebaliknya. Khairuddin bin Muhammad dan Ramli bin Ismail, (Seminar Pengajaran bahasa Arab, 1976:3), menyatakan pengiktirafan daripada pihak Kerajaan dan Universiti-Universiti di negara Arab itu, didapati sudah cukup untuk menjadi ukuran tentang kebolehan pelajar-pelajarnya, sedangkan bilangan pelajar yang berpeluang melanjutkan pelajaran di Universiti-Universiti luar negeri sangat terhad. Oleh yang demikian, kurikulum bagi mata pelajaran bahasa Arab adalah sangat penting supaya dikaji semula sebagai mengatasi faktor-faktor dan kelemahan-kelemahan yang didapati.

3.2.2 KEKURANGAN GURU YANG BERKEMAMPUAN DAN BERKELAYAKAN.

Faktor kekurangan guru bahasa Arab merupakan masalah amat penting yang didapati sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani dari dahulu hingga sekarang. Peranan guru dan kegiatan mereka untuk menjayakan proses pengajaran tidaklah perlu dibincangkan. Satu bukti yang nyata ialah guru yang berkemampuan serta aktif dalam tugasnya akan meninggalkan kesan yang menonjol di kalangan pelajar-pelajar, demikian juga guru-guru bahasa Arab. Mengenai isu kekurangan guru,

penulis akan meninjau dan membincangkan dari dua sudut :

- (1) Sudut Kelayakan dan Bidang kelulusannya.
- (2) Sudut Kegiatan guru terhadap tugasnya.

KELAYAKAN DAN BIDANG KELULUSAN.

Kebanyakan guru yang mengajar bahasa Arab adalah berkelulusan Peringkat Sarjana Muda dari beberapa buah Universiti di negara-negara Timur Tengah, seperti Mesir, Arab Saudi, Libya, Tunisia dan Sudan. Pada keseluruhannya, mereka berkelulusan dalam jurusan atau bidang yang tidak ada kena mengena dengan bahasa Arab dan pengajarannya. Pengajian mereka adalah menerusi pengantar bahasa Arab, seperti Usul al-Din, Syari'at dan sebagainya. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa 88% (22 orang) di antara mereka berkelulusan dari kedua-dua jurusan tersebut, manakala 12% (3 orang) sahaja yang berkelulusan dari Fakulti Sastera (jurusan bahasa Arab). Ini bermakna kebanyakan guru bahasa Arab tidaklah berkepakaran dalam bidang yang ditugaskan dalam erti kata yang sebenarnya. Penonjolan atau penekanan penulis terhadap masalah ini bukan bermaksud mahu menyalahkan pihak-pihak tertentu, sebaliknya penulis memahami segala masalah dan isu yang mereka hadapi. Kononnya, guru-guru bahasa Arab tidak mudah diperolehi kerana tidak ramai bilangannya. Suatu perkara yang harus diketahui bahawa tidak ramai guru yang berminat mengajar bahasa Arab disebabkan tanggungan dan kesukaran

tugas tersebut. Bertitik-tolak dari sini, maka pihak-pihak tertentu seperti pentadbir-pentadbir sekolah-sekolah agama mengambil sesiapa saja yang berkelulusan dari negara-negara Arab tanpa mengambil kira jurusan dan bidang pengajian mereka, dengan anggapan dan kepercayaan bahawa bahasa Arab yang mereka perolehi dan mempelajari itu lebih afdal daripada mereka yang mempelajarinya di tanah air, kerana tidak berpeluang melanjutkan pelajaran di luar negeri.

Langkah yang diambil oleh pentadbir itu bertujuan menampung kekurangan guru bahasa Arab pada satu pihak, dan sebagai penyelesaian terhadap masalah pengajarannya yang sering dihadapi. Perkara tersebut mungkin dianggap logik memandangkan keadaan dan realiti yang terdapat di Wilayah Pattani. Tetapi beberapa langkah boleh juga diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut.

KEGIATAN SEBAGAI TANGGUNGJAWAB GURU BAHASA ARAB TERHADAP TUGASNYA.

Guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah agama (termasuk guru bahasa Arab) tidak mendapat ganjaran dari pihak Kerajaan, hanya gaji bulanan yang didapati dari pihak sekolah. Namun begitu, ia tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan sosio-ekonomi mereka. Oleh yang demikian, guru-guru sekolah agama terpaksa melibatkan diri untuk mendapatkan pekerjaan sampingan dalam masa bekerja, seperti pekebun,

peniaga dan sebagainya. Secara langsung, ini menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran dengan sebaik-baiknya, jauh sekali untuk menyelesaikan masalah-masalah peribadi atau pelajar mereka. Terdapat ada di antara mereka guru-guru yang berkemampuan dan pakar dalam bidang ini, tetapi bilangannya sangat sedikit. Soalnya : Bagaimana jika mereka yang berpengalaman dan berkemampuan itu dapat mencurahkan pengalaman mereka kepada guru-guru yang lain?. Oleh itu, satu cara yang mungkin boleh menyelesaikan masalah ini, pada pendapat penulis ialah kerjasama yang harus dilakukan di antara tiga pihak yang bertanggungjawab mengenai Pendidikan dan Pengajaran, iaitu :

- (1) Pihak Pentadbiran Sekolah-sekolah Agama.
- (2) Pusat Latihan Guru, Jabatan Pendidikan Kawasan Dua.
- (3) Bahagian Bahasa Arab, Kolej Pengajian Islam,
Universiti Prince of Songkla, Pattani.

Penggabungan dan kerjasama dari ketiga-tiga pihak ini bertujuan untuk mengadakan satu kursus latihan khas untuk guru agama. Program seperti ini amatlah penting untuk menyampaikan maklumat-maklumat dan memperkenalkan beberapa ide baru tentang pengajaran bahasa Arab seperti: Matlamat pengajaran, kaedah pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing, cara-cara untuk mengatasi masalah-masalah kelemahan pelajar dan sebagainya. Di samping itu,

ia juga akan membuka peluang kepada guru-guru yang berpengalaman duduk bersama berbincang memberi pandangan kepada guru-guru yang masih lagi memerlukan bimbingan mengenai hal tersebut. Jika rancangan ini dapat dilaksanakan, sedikit sebanyak agar, ia boleh membantu proses pengajaran bahasa Arab ke arah yang dicita-citakan.

3.2.3 MASALAH PERUNTUKAN MASA YANG SINGKAT DAN PERTEMBUNGAN DENGAN MATA PELAJARAN LAIN.

Terdapat dua aliran pengajian di sekolah-sekolah agama di Wilayah pattani, iaitu Aliran Agama waktu pagi (8.20-12.00 tengah hari), Aliaran Saman atau Sekular waktu petang (13.00-16.40). Oleh itu selain daripada mempelajari beberapa mata pelajaran agama, pelajar-pelajar juga boleh mengikuti pengajian di dalam aliran Saman. Jadi, setiap hari belajar, mereka mesti berada di bangku sekolah sekurang-kurangnya sepuluh jam. Ini menyebabkan jadual pengajian dan pembelajaran mereka bercampur-aduk dengan berbagai-bagai mata pelajaran. Mereka tidak diberi masa yang sesuai untuk mempelajari bahasa Arab. penulis berpendapat bahawa setengah-setengah sekolah agama di Wilayah Pattani, walaupun mempunyai dua aliran, penekanan atau haluan pengajarannya ditekankan kepada aliran yang dikhususkan, sama ada Agama atau Saman. Maka bagi sekolah yang beraliran Saman, sudah tentu peruntukan masa bagi mata pelajaran bahasa Arab akan dipersingkat.

Faktor kekurangan masa yang diperuntukan dalam jadual-jadual sekolah agama bagi mata pelajaran bahasa Arab dan kurang galakkan daripada pihak berwibawa adalah di antara faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar tidak berminat sepenuhnya kepada mata pelajaran bahasa Arab, sehingga setengah-setengah sekolah sangat menitikberatkan mata pelajaran Akademik yang sangat dibanggakan sedangkan mata pelajaran bahasa Arab diperkecilkan. Semua ini merupakan masalah yang boleh menghalang kecemerlangan dalam pengajaran bahasa Arab di Wilayah Pattani.

3.2.4 MASALAH PENGGUNAAN KAEDAH ATAU CARA PENGAJARAN YANG TIDAK BERKESAN.

Memandangkan guru-guru bahasa Arab yang bertugas di sekolah agama di Wilayah Pattani mempunyai latar belakang pembelajaran yang berbeza-beza, di mana sebahagian besar daripada mereka berkelulusan dari beberapa negara Arab dalam berbagai-bagai jurusan. Oleh sebab perbezaan latar belakang itu mereka tidak mempunyai cara atau kaedah tertentu untuk pengajaran bahasa Arab; bahkan setiap orang membawa kaedah, pendekatan dan teknik yang berbeza mengikut selera dan kemampuan masing-masing. Walau bagaimanapun, setakat ini tidak terdapat suatu kaedah pengajaran yang dianggap terbaharu dan agak berkesan (Menurut pandangan pakar-pakar) dipraktikkan oleh guru-guru bahasa Arab di Wilayah berkenaan. Kaedah terbaharu yang dimaksudkan

seperti kaedah terus, dengar-tutur dan sebagainya. Berdasarkan pemerhatian penulis, kebanyakan guru masih lagi mengamalkan cara tradisi di dalam pengajaran bahasa Arab, dan tidak sesuai lagi digunakan. Pendek kata, kaedah terjemahan masih dipraktikkan secara berleluasa di kalangan guru.

Penggunaan kaedah ini tidak bererti pelajar-pelajar tidak dapat memahami dan mengenali aspek-aspek bahasa Arab, tetapi ia ditumpukan kepada aspek tertentu, iaitu pemahaman dan penulisan. Pada dasarnya kaedah ini menolong pelajar mencapai kemahiran menulis, bukan kemahiran bertutur. Oleh itu ia tidak mementingkan penggunaan fonetik atau sebutan, sebaliknya hanya mementingkan ejaan dan penulisan dalam bahasa tersebut. Kaedah ini tidak melatih pelajar supaya dapat menggunakan bahasa secara aktif. (Abdullah Hasan, 1993:294). Data yang diperolehi kerap kali menunjukkan bahawa 56% (14 orang) daripada guru menggunakan kaedah terjemahan, 12% (3 orang) menggunakan kaedah terus, manakala 32% (8 orang) mengamalkan kaedah gabungan atau percampuran di antara dua kaedah yang tersebut. Ini bahawa kebanyakan daripada tenaga pengajar tidak dapat menerapkan kaedah atau metode baru dalam pengajaran mereka, kerana kurang pengetahuan dan pengalaman mengenainya. Masalah guru kurang mempraktikkan kaedah pengajaran secara moden ini, ditegaskan lagi oleh Vittaya Boonsom, (1977:113), di dalam satu kajiannya yang berjudul "Masalah Pentadbiran Sekolah

Agama di Wilayah-Wilayah Sempadan Selatan Thai", dengan menyatakan "Kejayaan pengajaran bahasa di sekolah-sekolah agama terpulang kepada keupayaan dan kemampuan guru yang harus mempunyai maklumat atau selok-belok yang luas dalam bahasa yang ditugaskan, di samping mempunyai pengetahuan dari segi kaedah pengajarannya".

Sehubungan dengan masalah tersebut, guru-guru tidak pernah berusaha untuk menggunakan alat bantu mengajar moden, seperti alat rakaman, video dan sebagainya. Tambahan pula, mereka tidak mempunyai inisiatif sendiri untuk membawa sebarang peralatan yang mereka termampu memilikinya. Mengenai isu ini penulis berpendapat, "Sebenarnya, guru-guru bukan tidak berkemampuan untuk menggunakan alat-alat bantu tersebut dalam pengajaran mereka, tetapi barangkali oleh sebab kemerosotan dari segi kewangan yang dihadapi oleh sekolah itu menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakannya".

Masalah seterusnya ialah kekurangan buku teks yang sesuai untuk pengajaran bahasa Arab. Yang dimaksudkan dengan buku teks yang sesuai ialah buku yang sesuai untuk pelajar yang bukan penutur bahasa Arab, atau dengan lain perkataan, sesuai dengan kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Di antara buku-buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah agama Peringkat Menengah

as ialah :

- 1) "Taudīh al-Nahw" [توضيح النحو],
- 2) "Al-Nahw al-Wādiḥ" [النحو الواضح], kedua-duanya digunakan untuk mata pelajaran nahu.
- 3) "Al-Balāghat al-Wādiḥ" [البلاغة الواضح], digunakan untuk mata pelajaran Balaghah atau "Retorik".

Perlu diingat bahawa ketiga-tiganya tersebut adalah di antara buku teks yang digunakan untuk pengajaran bahasa Arab kepada pelajar-pelajar yang berbangsa Arab. Walau bagaimanapun, masalah tersebut telahpun berubah ke arah kemajuan apabila sesetengah sekolah di Wilayah Pattani mula menggunakan buku "Al-ʿArabīyyat Lilnāsyi'īn" [العربية للناسي], dan dijadikan sebagai buku teks utama dalam pengajaran bahasa Arab. Buku ini dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Arab Saudi, sebagai reaksi dan usaha penyelesaian terhadap masalah ketidakberkesanan di dalam pengajaran bahasa Arab dan kekurangan buku teks baku di kalangan pelajar yang bukan penutur bahasa Arab sebabagaimana ternyata pada "Muqaddimah" atau "Pendahuluan" buku tersebut. (Al-ʿArabīyyat Lilnāsyi'īn, 1983). Ia mempunyai enam panggal, dan tiap-tiap panggal disertai dengan buku panduan untuk guru. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa buku tersebut merupakan buku yang kemaskini dan terkeni, sesuai untuk digunakan sebagai buku

teks dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Perkara yang amat menarik ialah, ia mementing dan mendorong pelajar-pelajar untuk mencapai keempat-empat kemahiran bahasa, iaitu pendengaran (Pemahaman), pertuturan, bacaan dan tulisan selaras dengan matlamat pengajarannya yang ditetapkan dalam kurikulum atau sukatan pelajaran bahasa Arab. Oleh yang demikian, buku tersebut mendapat sambutan yang meluas bukan sahaja di negara Thai, bahkan di Malaysia sendiri. Namun begitu, walaupun ia dianggap sebagai buku yang terbaik, tetapi guru-guru yang menggunakannya tidak dilatih dan diperkenalkan dengan cara untuk menggunakan buku tersebut oleh pihak yang tertentu, maka ia tidak akan menghasilkan natijah dengan sepenuhnya. Oleh itu penulis mengesyorkan supaya kursus latihan untuk guru bahasa Arab perlu diadakan secepat mungkin, seperti mana yang telah dikemukakan bagi masalah kekurangan guru yang berkemampuan dan berkelayakan. Ini akan menjadi perkara yang amat berharga jika pihak Kementerian Pendidikan Arab Saudi (sebagai pihak pengeluar buku tersebut) dapat menghantarkan pakar-pakar mereka untuk melatih dan menunjuk cara menggunakannya, demi mencapai keberkesanan dalam penggunaan buku tersebut.

Demikianlah masalah-masalah menonjol yang dihadapi mereka yang terlibat sepenuhnya dalam proses pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani,

khasnya guru-guru yang bertugas, berdasarkan kepada pandangan yang mereka beri dan pemerhatian dari penulis sendiri.

3.3 PENDEKATAN, KAEDAH DAN TEKNIK YANG DAPAT DIGUNAKAN DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB.

Ketiga-tiga istilah ini, iaitu "Pendekatan", "Kaedah", dan "Teknik" adalah di antara faktor yang penting dalam proses pengajaran bahasa, dan mempunyai hubungan secara hirarki di antara satu sama lain. Hubungan ini menggambarkan bahawa teknik merupakan satu hasil daripada kaedah yang sering kali konsisten dengan pendekatan. (Goh Ong Sing, dlm.Jurnal Dewan Bahasa, Mac 1991:211). Oleh itu, dalam perbincangan tentang pendekatan dan perkaedahan pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani, kita tidak dapat lari daripada menggunakan istilah-istilah tersebut. Apa yang diharapkan di dalam perbincangan mengenai hal ini ialah agar perkara-perkara itu dapat dimanfaatkan oleh guru-guru bahasa Arab, dan pengajaran mereka akan meninggalkan kesan yang memuaskan.

3.3.1 DEFINISI.

(A) DEFINISI "PENDEKATAN". Pendekatan dalam pengajaran bahasa ialah satu kumpulan andaian yang saling berkaitan mengenai hakikat bahasa, pengajaran bahasa dan pembelajaran bahasa. (Kamarudin Hj.Husin, 1988:75). Ia juga merupakan orientasi ataupun pegangan ilmu linguistik dan psikologi

yang dapat digunakan oleh seseorang guru bagi menyelesaikan masalah pengajaran bahasa, khususnya masalah mengenai apa yang akan diajar dan bagaimana cara mengajarnya.

(Juriah Long, Raminah Hj. Sabran dan Sofiah Hamid, 1993:43).

Berdasarkan definisi di atas, dapat fahamkan bahawa pendekatan merupakan satu pandangan mengenai hakikat bahasa, cara bahasa diperolehi dan langkah-langkah yang harus diambil dalam proses pengajaran bahasa berkenaan.

(B) DEFINISI "KAEDAH". Kaedah diibaratkan sebagai himpunan langkah-langkah atau persediaan-persediaan yang ditetapkan berdasarkan kepada teori-teori tertentu untuk mengajar mata pelajaran tertentu. Sekiranya pendekatan yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab seperti pendekatan bahasa asing, iaitu kaedah dengar-tutur (الطريقة السمعية الشفوية) maka guru akan memerlukan beberapa persediaan tertentu dalam mengajarnya dan juga mengatur pelajaran tertentu yang mempunyai susunan tertentu pula. (Ishak Mohd. Rejab, Seminar Bahasa Arab, 1988:4). Menurut Abdullah Hasan (1989:105), kaedah ialah langkah-langkah dan peringkat-peringkat yang diatur untuk mengajar sesuatu bahasa atau bahagiannya, sesuai dengan pendekatan yang dipegang. Oleh itu, sesuatu kaedah yang dipraktikkan oleh guru seharusnya dapat memberi kesan yang mendalam terhadap proses pembelajaran. Sesuatu kaedah akan dapat menentukan kejayaan dan mengakibatkan kegagalan pelajar-pelajar dalam pelajaran dan pendidikan mereka.

(C) DEFINISI "TEKNIK". Menurut Abdullah Hasan (1989:106), teknik ialah satu muslihat yang digunakan guru untuk menyampaikan butiran pengajarannya. Ia meliputi bentuk-bentuk aktiviti tertentu yang akan ditekankan dalam pengajaran seperti dialog, lakonan, hafalan, latih-tubi dan sebagainya. Teknik pengajaran bahasa mengandungi beberapa objektif, di antaranya ialah untuk menyampaikan bahan pengajaran dengan cara yang dapat menarik minat pelajar, mengekalkan perhatian dan mencungkil rasa ingin tahu mereka serta untuk membolehkan mereka mencapai objektif pengajaran dengan mudah dan berkesan. (Kamarudin Hj. Husin, 1988:102).

3.3.2 HUBUNGAN DI ANTARA "PENDEKATAN", "KAEDAH" DAN "TEKNIK".

Daripada definisi dan penjelasan di atas, dapat difahamkan bahawa ketiga-tiga istilah ini mempunyai hubungan yang rapat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Unsur-unsur ini bukanlah wujud bersendirian dan terpisah sifatnya. Pendekatan dapat dijadikan asas untuk menyusun kaedah mengajar, manakala teknik pula merupakan "Muslihat" penyampaian sesuatu bituran mengenai bahasa itu dalam bilik darjah. (Abdullah Hasan, 1989:106).

3.3.3 PENDEKATAN PENGAJARAN BAHASA ARAB.

Menurut Rusydi Ahmad Ta'imat (1989:115), terdapat beberapa pendekatan yang boleh digunakan dalam pengajaran

bahasa Arab sebagai bahasa kedua; di antaranya :

(1) PENDEKATAN KEMANUSIAAN (المدخل الإنساني).

Ahli-ahli bahasa yang menunjangi pendekatan ini seperti Carl Rogers, berpendapat bahawa pelajar yang mempelajari dan menguasai sesuatu bahasa dengan baik mesti berusaha untuk dapat menyatakan dan memberi penerangan peribadi serta tingkah lakunya. Oleh yang demikian, pendekatan ini lebih mementingkan konsep psikologi dalam pengajaran bahasa. Satu perkara penting yang harus diberi perhatian apabila melaksanakan pendekatan ini ialah bahan-bahan pengajaran atau aktiviti-aktiviti dalam bilik darjah mestilah mempunyai hubungan dengan kehidupan harian pelajar, perasaan, kepercayaan dan kebudayaan mereka. (Sumittra Angwatakul, 1991:29).

(2) PENDEKATAN PENERANGAN (المدخل التفسير).

Dimaksudkan dengan pendekatan penerangan ialah : Pendekatan yang mementingkan penggunaan media-media ilmu dan teknik-teknik baru dalam pengajaran bahasa, yang mana kedua-duanya memainkan peranan untuk menyampaikan maklumat-maklumat kepada pelajar. Tujuan asas pendekatan ini adalah untuk membolehkan pelajar memahami makna-makna perkataan atau ungkapan dalam bahasa Arab secara langsung, tanpa diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda mereka, di samping itu agar pelajar memahami kebudayaan penutur bahasa berkenaan. Pelaksanaan pendekatan ini memerlukan berbagai alat bantu mengajar, seperti; gambar, lukisan, peta dan sebagainya,

yang boleh membantu pelajar mengetahui istilah-istilah baru atau kosa kata dalam bahasa berkenaan. Dalam pada itu, pendekatan ini juga amat menggalakkan penggunaan alat-alat moden seperti alat rakaman, video, makmal bahasa dan komputer.

Memandangkan pendekatan ini memerlukan persediaan yang banyak dan kerumitan cara melaksanakannya, sama ada dari pihak guru mahupun pihak pelajar, maka ia sesuai bagi sesetengah sekolah yang berpotensi khasnya dari segi kewangannya dan kewibawaan guru untuk menggunakan alat-alat tersebut.

(3) PENDEKATAN KOMUNIKASI (المدخل الإتصالي).

Pendekatan ini mengutamakan kecekapan berkomunikasi; oleh itu pengajaran bahasa Arab mestilah merangkumi kecekapan bahasa, iaitu penguasaan sistem Nahu dan Saraf yang membolehkan seseorang pelajar menguasai struktur bahasa Arab serta kecekapan berkomunikasi menggunakan bahasa, sesuai dengan keadaan. (Lihat Juriah, Raminah dan Sofiah, 1993:50). Oleh kerana pendekatan ini mementingkan pengajaran bahasa untuk tujuan berkomunikasi, dan menggalakkan pelajar untuk mencapai keempat-empat kemahiran bahasa iaitu, mendengar (memahami), bertututur, membaca dan menulis. Penulis berpendapat ia sesuai untuk digunakan sebagai pendekatan pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani. Oleh yang demikian,

perbincangan berikut mengenai pendekatan pengajaran bahasa akan ditumpukan kepada pendekatan komunikatif.

3.3.4 PENDEKATAN KOMUNIKATIF.

Sepertimana telah dijelaskan, pendekatan ini mengutamakan kecekapan berkomunikasi. Yang dimaksudkan dengan "Komunikasi", mengikut Prof. Asmah Haji Omar (1989:45), komunikasi boleh ditakrifkan sebagai proses pertukaran pengetahuan, ide, pendapat dan perasaan yang berlaku di antara manusia (penutur dan pendengar). Pendekatan komunikatif mula berkembang sejak tahun 70-an, sebagai reaksi terhadap kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam pengajaran bahasa yang didasarkan kepada teori-teori pembelajaran dan pendekatan-pendekatan pengajaran sebelumnya. (Kamarudin Hj. Husin, 1988:84). Matlamat pengajaran bahasa mengikut pendekatan ini ialah untuk membentuk "Communicative Competence" (الكفاية الاتصالية) atau "Keupayaan berkomunikasi" yang diutarakan oleh D. Hymes. Istilah ini bertentangan dengan istilah yang dipelopori oleh Noam Chomsky, iaitu ; "Language Competence" (الكفاية اللغوية) atau "Keupayaan berbahasa". Menurut Chomsky, keupayaan berbahasa, yakni keupayaan mutlak yang ada pada diri seseorang yang membolehkan dia memahami bahasa dan peraturannya. Manakala keupayaan berkomunikasi pada pandangan Hymes ialah keupayaan seseorang untuk menggunakan bahasa mengikut situasi bahasa dalam pelbagai keadaan. (Rusydi Ahmad Ta'imat, 1989:119).

Tujuan utama pendekatan ini ialah agar pelajar-pelajar boleh menggunakan bahasa yang sesuai untuk tujuan komunikasi; oleh itu penggunaan bahasa diberi perhatian dan keutamaan di samping kegunaan bahasa. Pembelajaran bahasa disusun berdasarkan fungsi komunikasi, seperti fungsi instrumental (الرظينة النعية), fungsi pengawalan (الرظينة التنظيمية), fungsi interaksi (الرظينة التفاعلية) dan sebagainya. Berlandaskan fungsi tersebut penggunaan bahasa akan berlainan gaya mengikut fungsi-fungsinya (Ibid : 120).

3.3.5 CIRI-CIRI PENDEKATAN KOMUNIKATIF.

Pendekatan ini mempunyai beberapa ciri, di antaranya ialah :

- (1) Makna adalah sangat dipentingkan.
- (2) Konteks dan situasi amat diutamakan.
- (3) Apa sahaja alat yang boleh membantu pelajar dapat diterima, asalkan ia sesuai dengan keadaan dan minat mereka.
- (4) Percubaan-percubaan untuk berkomunikasi digalakkan sejak awal lagi.
- (5) Keupayaan berkomunikasi adalah matlamat pembelajaran.
- (6) Terjemahan boleh digunakan jika pelajar beroleh faedah daripadanya.
- (7) Dialog, jika digunakan, haruslah tertumpu kepada fungsi komunikatif dan bukan untuk dihafal.

(Kamarudin Hj. Husin, 1988:85).

3.3.6 PRINSIP-PRINSIP PENTING PENGAJARAN BAHASA ARAB YANG BERASASKAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF.

Terdapat beberapa prinsip pengajaran bahasa Arab yang berdasarkan pendekatan ini, di mana guru-guru bahasa Arab boleh memanfaatkannya; di antaranya ialah :

(1) Guru seharusnya menyediakan bahan-bahan pengajaran yang berbentuk "Nas" dalam bahasa Arab yang didapati dari media massa, seperti surat khabar, majalah dan sebagainya. Hal ini boleh difahamkan bahawa pendekatan komunikatif tidak menggalakkan guru menggunakan nas-nas dari model atau buku teks yang tertentu, oleh kerana pelajar tidak akan terdedah kepada aktiviti-aktiviti yang membolehkan mereka menggunakan bahasa yang sesuai mengikut situasi-situasi tertentu. Sementara itu guru harus menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar, khasnya dalam mata pelajaran bahasa Arab.

(2) Melatih pelajar untuk dapat berfikir di dalam bahasa Arab dengan berbagai-bagai corak, dan dapat menukar ungkapan-ungkapan kepada beberapa bentuk atau gaya tanpa mengubah makna asalnya seperti contoh dibawah :

أكد رئيس الفلسطينيين ياسر عرفات أنه لمباحثات مع الرئيس الوزراء
الإسرائيلي، إسحاق رابين في القاهرة مؤخرًا كانت مثمرة للغاية

Maksudnya: Presiden Palestin, Yasser Arafat, menegaskan bahawa perbincangan dengan Perdana Menteri Israel, Ishak Rabin di Khahirah baru-baru ini, mendatangkan hasil yang

baik. Ungkapan ini boleh diubah kepada beberapa gaya seperti berikut :

- (١) يا صهرمفات ، رئيس الفلسطينيين أكد أنه المباحثات مع الرئيس الوزراء الإسرائيلي إسماعيل رائيه مؤخرًا في العاصمة كانت مثمرة للغاية
- (٢) أنه المباحثات مع الرئيس الإسرائيلي في العاصمة مؤخرًا ، كانت مثمرة للغاية ، أكد زعيم رئيس الفلسطينيين يا صهرمفات .

(3) Guru harus membuka peluang bagi pelajar-pelajar supaya dapat menyatakan pendapat mereka tentang apa yang mereka baca dan dengar.

(4) Melatih pelajar untuk memahami cara menggunakan bahasa mengikut situasi atau keadaan.

(5) Aktiviti-aktiviti bahasa merupakan faktor penting untuk memperkembangkan kemahiran bertutur.

Oleh itu guru hendaklah sentiasa aktif untuk mewujudkan aktiviti-aktiviti tersebut sama ada dalam atau di luar bilik darjah. (Lihat Hasan Syahātāt, 1992:13-15 & Rusydi Ahmad Ta'īmat, 1989:122).

3.3.7 METODE PENGAJARAN BAHASA ARAB YANG BERDASARKAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF.

Berdasarkan prinsip-prinsip yang telah dijelaskan, berikut dikemukakan cara pengajaran bahasa Arab yang berlandaskan kepada pendekatan tersebut :

(A) Pada permulaan, guru harus membincangkanterlebih

dahulu mengenai "tajuk" yang akan diajar serta menyoalkan pelajar-pelajar tentang latar belakang dan maklumat-maklumat umum mengenainya.

(B) Kemukakan nas-nas atau teks (yang disediakan) dalam bahasa Arab; kemudian minta daripada salah seorang daripada membacakannya. Jika terdapat kesalahan di dalam pembacaan, biarkan sahaja sehingga pembacaan itu selesai.

(C) Betulkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan pelajar tadi, dan jelaskan sebab-sebab berlakunya kesalahan-kesalahan itu. Hal ini boleh dikaitkan dengan Nahu dan Saraf.

(D) Jelaskan makna-makna perbendaharaan kata (المفردات) yang difikirkan perlu agar pelajar dapat memahami isi kandungan teks.

(E) Kemukakan soalan-soalan berdasarkan teks yang telah dibaca. Menerusi soalan-soalan ini guru dapat menguji sama ada mereka memahami teks atau di sebaliknya.

(F) Adakan sesi soal-jawab dengan pelajar mengenai hasil yang didapati daripada teks serta bincangkan bagaimana untuk menerapkan tujuan berkomunikasi.

(G) Huraikan erti perkataan-perkataan baru yang sesuai mengikut konteks.

(H) Latih pelajar menggunakan perkataan-perkataan baru bagi menjelaskan maksud menurut buah fikiran mereka sendiri berdasarkan fakta-fakta yang terdapat dalam teks.

(I) Apabila guru telah menyakinkan bahawa pelajar

memahami pelajaran yang disampaikan dengan baik, dan dapat menggunakan bahasa dengan tepat, mereka seharusnya diberi tugas rumah (الواجبات المنزلية) secara menulis. Dengan ini, boleh dikatakan bahawa selain daripada melatih mereka bertutur, guru juga berpeluang dalam masa yang sama, melatih mereka menulis.

3.4 PENGAJARAN PERTUTURAN.

Bertutur merupakan suatu kemahiran bahasa yang paling penting di antara empat kemahiran bahasa, oleh kerana bahasa sebenarnya tidak lain adalah pertuturan, manakala tulisan adalah perkara kedua. (Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain, 1979:67). Aspek pertuturan harus diberi perhatian dan penumpuan yang sewajarnya dalam proses pengajaran bahasa, khasnya jika bahasa itu dikategorikan sebagai bahasa kedua atau bahasa asing seperti bahasa Arab yang diajarkan di sekolah-sekolah agama di Wilayah Pattani. Matlamat pengajaran bahasa Arab di sekolah agama seperti mana yang telah dijelaskan ialah untuk membolehkan pelajar-pelajar memahami isi kandungan al-Quran, al-Hadith dan bahan-bahan ilmu keagamaan yang tertulis dalam bahasa Arab. Diharapkan juga supaya pelajar-pelajar dapat bertutur dengan baik dalam bahasa berkenaan. Memandangkan peranan bahasa Arab di arena antarabangsa dan pentingnya kedudukan bahasa Arab pada hari ini, maka perlulah pengajaran bahasa Arab diubah haluan atau arah pendedahannya kepada penguasaan

bahasa untuk tujuan berkomunikasi. Apa yang ingin dinyatakan ialah: Matlamat pengajaran bahasa Arab pada hari ini bukanlah setakat untuk kepentingan keagamaan semata-mata, tetapi juga bagi membolehkan pelajar-pelajar berkomunikasi secara langsung dengan perantaraan bahasa tersebut. Sehubungan dengan itu, Prof. Ismail bin Ibrahim, (Seminar Bahasa Arab, 1988:9), menegaskan "Kita seharusnya meletakkan dalam fikiran kita bahawa bahasa Arab bukan sahaja wasilah atau alat perhubungan berbentuk tulisan ataupun untuk memindahkan warisan kemanusiaan semata-mata, malah ia telah menjadi alat bagi memastikan perhubungan lisan dengan kemahiran mendengar, bertutur dan menulis".

Oleh yang demikian, adalah dirasakan perlu dibincangkan di sini tentang pengajaran pertuturan, agar sedikit sebanyak dapat memperbetulkan kemerosotan pengajaran bahasa Arab dalam aspek berkenaan, khasnya di peringkat sekolah menengah atas.

3.4.1 DEFINISI PERTUTURAN.

Pertuturan atau "Muhadathat" di dalam bahasa Arab bererti "Perbincangan bebas yang dilakukan di antara dua orang mengenai topik-topik tertentu". (Lembaga Tenaga Pengajar, Fakulti Pendidikan, Universiti al-Azhar, 1990:51). Berdasarkan definisi di atas, boleh ditafsirkan bahawa pertuturan mempunyai konsep hubungan, lazimnya ia dilakukan oleh dua pihak, iaitu penutur dan pendengar oleh

itu seseorang sasterawan yang sedang menyampaikan sebuah puisi atau sajak, atau seseorang yang menyampaikan ceramah atau ucapan pada sesuatu malis tidak dikategorikan sebagai pertuturan oleh kerana luputnya syarat yang ditetapkan mengikut pengertian tersebut.

3.4.2 KEPENTINGAN PERTUTURAN DALAM PENGAJARAN BAHASA.

Bertutur merupakan kemahiran yang bersifat asas dan produktif dalam pengajaran bahasa, di mana biasanya seseorang pelajar akan menguasai kemahiran ini apabila telah menguasai kemahiran mendengar, memahami dan membaca. (Kenneth Chastain, 1976:333). Kemahiran bertutur dan mendengar dianggap sebagai komponen dalam kemahiran lisan, kemahiran mendengar yang melibatkan aktiviti penerimaan, manakala kemahiran bertutur melibatkan aktiviti penghasilan maklumat. (Juriah, Raminah dan Sofiah, 1993:113). Oleh itu dapat dikatakan bahawa pertuturan adalah aspek bahasa yang paling penting, bahkan ia adalah matlamat utama dalam pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Sejajar dengan itu, Lado (1980:82), menjelaskan bahawa seseorang pelajar tidaklah boleh disifatkan sebagai menguasai satu ayat sehingga dia dapat menuturkannya.

Kebolehan untuk bertutur dengan baik serta berkesan adalah penting untuk menjalin hubungan di antara satu sama lain, di mana seseorang yang dapat menguasai bahasa asing dengan baik dapat menyampaikan perasaan, pemikiran dan apa

yang diperlukannya, dengan tepat dan berkesan dalam interaksi tersebut. Tegasnya, kebolehan untuk bertutur dapat mempengaruhi pemikiran dan pengertian seseorang individu di dalam bahasa berkenaan. Pendek kata, keupayaan seseorang untuk menggunakan sesuatu bahasa untuk tujuan berkomunikasi merupakan matlamat pengajaran bahasa pada keseluruhannya. (Jamaliah Mohd. Ali, Seminar Bahasa Arab, 1988:10). Selain daripada itu, kemahiran bertutur juga dapat memperkembangkan kebolehan untuk membaca. Justeru itu, kemahiran mendengar dan bertutur dianggap sebagai asas untuk perkembangan kemahiran bahasa yang lain, iaitu membaca dan menulis. (Juriah, Raminah dan Sofiah, 1993:114).

3.4.3 ASPEK-ASPEK PERTUTURAN DI DALAM BAHASA ARAB.

Terdapat beberapa aspek penting yang harus diberi perhatian oleh guru apabila mengajar pelajaran "Muhādathat", di antaranya :

3.4.3.1 FONETIK (SEBUTAN).

Fonetik ialah satu kajian bunyi pertuturan bahasa yang bertumpu kepada panjang pendek, keras-lemah, tekanan, intonasi dan irama bagi bunyi dalam sesuatu bahasa berkenaan. (Abdullah Hasan, 1992:37). Berikut ditunjukkan tiga perkara :

A. Konsonan bahasa Arab dan perihai yang berkaitan

dengannya, seperti cara pengeluaran, daerah artikulasi dan jenis-jenis konsonan serta simbol-simbol fonetik.

B. Vokal.

C. Diftong.

(A) KONSONAN. Bahasa Arab mempunyai 28 konsonan, (kalau kedudukan (ء) boleh dianggap sebagai konsonan, maka bilangannya ialah 29). Konsonan tersebut dinamakan "Huruf al-Hija'iyat" (حروف الهجائية). Walau bagaimanapun, kedudukan ketiga-tiga konsonan (ا , و , ي), ini adalah tidak stabil, dimana kadang kala boleh dijadikan vokal (panjang) dan juga diftong. (J.A. Haywood & H.M. Nahmad, 1965:12). Berikut ialah konsonan bahasa Arab yang disertakan dengan lambang-lambang fonetik dan ditransliterasikan ke dalam huruf Rumi.

JADUAL NO.5

BIL.	KONSONAN ARAB	SIMBOL FONETIK	HURUF RUMI
1	ا	[alif]	a
2	ب	[b]	b
3	ت	[t]	t
4	ث	[th]	th
5	ج	[j]	j
6	ح	[h]	h
7	خ	[kh]	kh
8	د	[d]	d
9	ذ	[dh]	dh
10	ر	[r]	r
11	ز	[z]	z
12	س	[s]	s
13	ش	[sy]	sy
14	ص	[s]	s
15	ض	[d.t.]	d.t.
16	ط	[t.]	t.
17	ظ	[N.t.]	N.t.
18	ف	[f]	f
19	ق	[q]	q
20	ك	[k]	k
21	ل	[l]	l
22	م	[m]	m
23	ن	[n]	n
24	و	[w]	w
25	ه	[h]	h
26	ي	[y]	y
27	آ		
28	إ		
29	أ		

Sumber: Roland Meynet, L'écriture Arabe en Question, 1971:4
& Pedoman Transliterasi huruf Arab ke huruf Rumi, Dewan
Bahasa dan Pustaka, 1988).

Sehubungan dengan hal ini, Pendeta al-Khalil bin Ahmad,
dianggap sebagai orang yang pertama mengklassifikasikan
huruf-huruf Arab berdasarkan daerah artikulasi (makhraj).
Pendapat beliau mengenai hal tersebut, membolehkan ahli-
ahli bahasa Arab mentafsirkan "Consonants" ialah bunyi-

bunyi huruf (الأصوات الحركات), manakala "Vowels" ialah bunyi-bunyi vokal (الأصوات الصائغية) atau harakat. Beliau menyatakan bahawa dalam bahasa Arab terdapat 29 huruf, 25 huruf dikatakan huruf "Ṣoḥiḥ", dan 4 huruf, iaitu و / ي / ر / ل dikatakan "Hawa'īyyat". (Abduh al-Rājiḥī, 1922:130). Secara ringkas, keterangan mengenai daerah artikulasi huruf-huruf Arab adalah seperti berikut :

JADUAL NO. 6.

CARA PENGELUARAN	DAERAH ARTIKULASI											
	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L
Le. tak bersuara			ت			ط			ك	ت		د
Le. bersuara	ب		د			ض						
Ge. tak bersuara		ف		ث	س	ظ	ش		خ		ح	
Ge. bersuara				ج	ز		ر		غ		ع	
Sengau	م				ن							
Sisian					ل							
Getaran					ر							
Separuh Vokal	و							ي				

PENERANGAN HURUF SINGKATAN JADUAL NO. 6.

- A. = Bilabial. B. = Labiodental. C. = Dental
D. = Interdental. E. = Alveolar. F. = Velariz.
G. = Alveopalatal. H. = Palatal. I. = Velar.
J. = Uvular. K. = Pharyngeal. L. = Glottis.
Le. = Letupan. Ge. = Geseran.

Sumber: Raja T. Nasr, The Teaching of Arabic as a Foreign Language, 1978:10, & Mohd. Zaki Abdul Rahman, Nota Kursus TM52 (Pusat Bahasa UM.).

FONEM.

Fonem ialah unit sifat bunyi yang membezakan erti. Ia juga merupakan sebahagian daripada sistem bagi struktur bahasa yang tertentu. Oleh itu, setiap bahasa mempunyai fonem yang berbeza di antara satu sama lain. Apabila membincangkan fonem di dalam bahasa Arab, maka ia dihubungkan dengan suara-suara tunggal yang didapati pada sesuatu perkataan atau kalimah. Umumnya fonem di dalam bahasa Arab boleh dibahagikan kepada dua jenis:

(1) Fonem yang berbentuk huruf; seperti kalimah (تاء) yang boleh digantikan dengan huruf (د) menjadi (داء), kedua-dua huruf tersebut adalah fonem.

(2) Fonem yang berbentuk "ḥarakat". Yang dimaksudkan dengan harakat di sini ialah "Fathat", yakni baris atas, "Ḍammāt" baris depan dan "Kasrat" baris bawah. Contohnya Perkataan (كَرَمٌ) berbaris atas, adalah "Ism" atau Kata Nama, (كَرِمٌ) berbaris depan, adalah "Fi'l " atau Kata Kerja. Demikian juga perkataan (سَفَرٌ) berbaris atas, bererti sekumpulan para musafir, (سَفَرٌ) berbaris bawah, ertinya kitab. Oleh itu, dikatakan bahawa ketiga-tiga harakat tersebut adalah "Fonem" di dalam bahasa Arab. (Mahmud Sulaiman, 1993:203).

VOKAL.

Bahasa Arab mempunyai 6 vokal 3 panjang, 3 pendek dan 2 diftong. Huruf ا / ي / و berfungsi sebagai vokal panjang, iaitu apabila ketiga-tiga huruf tersebut didiringi

sesuatu huruf yang lain, maka bacaannya dipanjangkan atau "dimadkan". Seperti contoh; Alif (ا), dalam perkataan (قَال), Ya (ي), dalam perkataan (قِيل) dan waw dalam perkataan (عَدَد).

Vokal pendek tidak mempunyai huruf-huruf yang mewakilinya, tetapi mempunyai harakat sebagai simbol; oleh itu vokal pendek mempunyai tiga harakat, iaitu "kasrat", "Fathat" dan "Dammāt", seperti (حَصَان), (دَلَد), (كَتَبَ).

DIFTONG.

Bahasa Arab mempunyai dua diftong, iaitu :

- (A) ai, ay, seperti بَيْتَ (bait), dan لَيْل (lail).
(B) au,aw, seperti يَوْم (yaum), dan لَوْ (lau)
(Wilson B. Bishai, 1971:74).

3.4.3.2 TATABAHASA.

Tatabahasa adalah satu sistem, peraturan atau undang-undang menggabungkan kata-kata untuk membentuk ayat. Oleh itu ia merupakan aspek bahasa yang penting di dalam pengajaran pertuturan khasnya di dalam bahasa Arab. Tanpa pengetahuan tentang Nahu dan Saraf dengan baik, seseorang tidak akan bertutur atau menggunakan bahasa dengan baik, kerana untuk menguasai kefasihan dan kejelasan serta memahami maksud sesuatu ayat, seseorang harus memahami kedudukan bagi setiap perkataan di dalam ayat. Dengan kata

lain, seseorang itu mesti memahami sistem infleksi atau (الإعراب) di dalam bahasa Arab. Telah diketahui umum bahawa bahasa Arab dikenali sebagai bahasa "Infleksi", iaitu proses perubahan harakat terakhir yang berada pada sesuatu perkataan. Perubahan tersebut disebabkan "'Awamil" atau "Operator" yang mempengaruhi perkataan tersebut. Maka penentuan maksud bagi sesuatu perkataan bergantung kepada 'awamil dan maksud yang dikehendaki oleh penuturnya, seperti dalam contoh : (مَا أَحْسَنَ السَّمَاءَ) Ungkapan ini tidak akan jelas maknanya, kecuali telah diberi harakat pada dua perkataan, iaitu (أَحْسَنَ) dan (السَّمَاءَ) mengikut tuntutan 'awamil dan maksud yang dikehendaki oleh penuturnya. Ungkapan tersebut mempunyai tiga maksud yang berlainan berdasarkan harakat yang diberi pada dua perkataan untuk setiap satunya, seperti berikut:

- (1) مَا أَحْسَنَ السَّمَاءَ Maksudnya: Alangkah indahnyanya langit!
- (2) مَا أَجْسَنَ السَّمَاءَ Maksudnya: Langit tidak indah.
- (3) مَا أَجْسَنَ السَّمَاءَ Maksudnya: Apakah (corak) keindahan yang terdapat pada langit?.

Jelaslah bahawa ketiga-tiga ungkapan itu masing-masing mempunyai maksud yang tertentu. Maka dengan tidak mengetahui tentang Nahu, seseorang pelajar tidak akan dapat menyatakan maksud yang dikehendakinya dengan tepat. (Lihat G.Bohas, J.-P. Guillaume & D.E. Kouloughil, 1990:54).

3.4.3.3 KEFASIHAN.

Kefasihan bererti kebolehan seseorang bercakap dengan teratur, lancar dan boleh membezakan bunyi-bunyi huruf yang seakan-akan sama "makhrajnya". Selain dapat menyebut perkataan dan ayat-ayat yang dituturkan itu secara jelas dan tepat. Ucapan seseorang itu juga hendaklah selaras dengan nada atau keadaan bunyi yang menaik dan menurun mengikut irama bahasa (التنظيم).

3.4.4 PRINSIP-PRINSIP PENTING DI DALAM PENGAJARAN PERTUTURAN.

Terdapat beberapa prinsip penting di dalam pengajaran bahasa Arab untuk tujuan kemahiran bertutur; di antaranya :

(1) Asas-asas Bahasa. Yang dimaksudkan dengan asas-asas bahasa ialah pengetahuan dan latar belakang pelajar mengenai bahasa Arab yang memungkinkan mereka bertutur di dalam bahasa berkenaan. Ini bermaksud seseorang pelajar yang baru mempelajari bahasa Arab dan masih lagi berada pada permulaan, umpamanya baru belajar ungkapan seperti : (أنا طالب) , (هذا معلم) dan sebagainya, maka seseorang itu tidak mungkin dapat bertutur dalam ungkapan yang lebih panjang dan kompleks. Keadaan tersebut adalah berbeza dengan keadaan pelajar-pelajar di Peringkat Menengah Atas (Thānawī), di mana mereka telahpun melalui dua peringkat pengajiannya, iaitu "Ibtidā'i" dan "Mutawassit", namun

mereka sudah mempunyai asas-asas bahasa yang baik dan dapat bertutur secara sederhana. Oleh yang demikian, guru-guru hendaklah memahami hakikat ini, terutamanya apabila menyediakan bahan-bahan pengajaran untuk peringkat tersebut.

(2) Penekanan tentang pentingnya pengajaran perbendaharaan kata atau kosa kata (الذرات), dan melatih pelajar-pelajar untuk mengungkapkan ke dalam ayat yang lebih kompleks haruslah diberi keutamaan. Umum mengetahui bahawa kosa kata merupakan faktor penting yang mempengaruhi keupayaan pelajar-pelajar di dalam perututuran mereka. Oleh itu, guru harus menggalakkan perkembangan bahasa pelajar-pelajarnya. Dengan cara memperkenalkan perkataan-perkataan baru, ayat, peribahasa dan sebagainya, agar kosa kata mereka dapat diperluas dengan secepat mungkin. Di samping itu, guru harus melatih mereka untuk membuat perkataan atau ayat binaan mereka sendiri, bukan semata-mata menghafalkan ayat-ayat untuk pertuturan yang terdapat dalam buku teks sahaja.

(3) Mengelakkan daripada kekeliruan dalam penggunaan bahasa.

Sewajarnya guru hendaklah mengelakkan daripada mengulangi istilah-istilah atau perkataan-perkataan yang hanya terdapat dalam buku teks. Dia seharusnya dapat menerangkan secara meluas cara bagaimana menggunakan

istilah atau perkataan di dalam berbagai situasi. Perlu dinyatakan di sini bahwa bahasa Arab mempunyai suatu konsep yang dinamakan (المترادف) atau "Sinonim", iaitu sesuatu maksud yang boleh dinyatakan dengan beberapa perkataan dan gaya, seperti untuk mengucap "selamat tinggal", ia boleh diucapkan dengan beberapa ungkapan seperti;
 السلام عليكم، / إلى اللقاء، / من أمانه الله، / سوف نلتقي قدا، / إيه شاء الله، / مع السلامة، / استودعكم الله، / من أسأركم، / شكرًا جزيلًا.
 Oleh itu, guru harus mendengarkan ayat-ayat tersebut kepada pelajar-pelajarnya agar mereka tidak terkeliru apabila mendengar ayat-ayat tadi disebut penutur-penutur yang lain.

(4) Membetulkan Kesalahan Bahasa.

Proses ini merupakan suatu fenomena yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran perututuran. Perkara penting yang harus diambil perhatian ialah pelajar-pelajar di peringkat Menengah Atas dianggap sebagai pelajar dewasa. Lazimnya mereka tidak akan responsif terhadap soalan-soalan dengan serta merta oleh kerana takut melakukan kesalahan, sedangkan pengajaran pertuturan menggalakkan pelajar menggunakan bahasa secara tabi'i tanpa dipengaruhi oleh sebarang perasaan. Oleh yang demikian, guru perlu menggunakan konsep psikologi untuk membetulkan kesalahan-kesalahan yang berlaku dengan tidak menyinggung perasaan mereka. Cara yang terbaik ialah guru harus mengulangkan ayat-ayat yang dituturkan oleh pelajar-pelajar tanpa meletakkan kesalahan itu kepada mereka; kemudian kesalahan itu haruslah dianalisis.-